



FAMILI

Oleh NORIAH IDRIS
nori@hmetro.com.my

Dia mewarisi kerjaya sebagai pendidik daripada ibu dan bapanya yang bergelar ustaz serta ustazah. Lebih menarik, sebagai anak sulung enam beradik dia dan adik-adik bertuah kerana orang tuanya menghantar semua anaknya ke sekolah agama.

Bagi Nik Salida Maizah Nik Salleh, 46, bidang pendidikan yang diceburi lebih 20 tahun sebat di jiwa kerana mahu mendidik anak bangsa sebagai insan berguna untuk pembangunan negara.

Katanya, dia bersyukur kerana ibunya, Wan Saidah Wan Ahmad dan arwah bapa, Nik Salleh Nik Man amat mementingkan aspek keagamaan serta mengamalkan disiplin yang tinggi.

Mengimbuai cara ibu atau bapa mendidik dia dan adik-adik sangat tegas kerana sejak usia tiga tahun sudah berjinak-jinak dengan al-Quran dan mereka diwajibkan solat berjemaah bersama dan harus patuh dengan setiap undang-undang ditetapkan.

"Sejak kecil kami diajarkan membaca al-Quran dan mesti khatam sebelum sekolah menengah. Perkara lain misalnya, sepanjang azan dilaungkan kami dilarang sama sekali menonton televisyen dan solat mesti dilakukan pada awal waktu.

"Bagi anak perempuan pula, penutupan aurat digalakkan sejak kecil dan cara didikan banyak menekankan aspek keperibadian serta moral. Kami juga, diwajibkan membantu ibu di dapur seawal usia tujuh tahun walaupun kami ada pembantu rumah tapi semua kerja peribadi mesti dilakukan sendiri," katanya.

Menurutnya, arwah bapa pendiam tetapi tegas dan menetapkan setiap malam minggu keluarga mereka berkumpul dan si bapa menceritakan pelbagai kisah dan pengajaran untuk dijadikan panduan hidup kepada anak-anak dengan gaya penceritaan menarik.

Sebagai anak sulung, dia menjadi contoh dan rujukan kepada adik-adik bahkan harus menunjukkan teladan terbaik. Pengalaman pernah dirotan ibu kerana lewat mengerjakan solat dan pulang sewaktu azan sedang berkumandang menjadi peringatan buatnya sampai bila-bila.

Dia juga pernah menempuh pengalaman dicili ibu hanya mengeluarkan perkataan 'bodoh' kepada rakan membuatkan dia dan adik-adik sentiasa menjaga tata susila hingga menjadi panduan penting dalam keluarga.


Katanya, banyak ajaran yang menjadi amalan hingga kini an-

BAHAGIA KERANA DIDIKAN AGAMA

Ketegasan ibu bapa mendidik enam beradik sejak kecil menjadikan mereka rasa bertuah



NIK Salida Maizah bersama adik-adik dan ipar duai.



NIK Salida Maizah dalam satu program keagamaan di televisyen.

PROFIL

NAMA: Nik Salida Maizah Nik Salleh
KERJAYA: Pendidik
USIA: 46 tahun
PENDIDIKAN: Sarjana Sosiologi Pendidikan, Universiti Malaya
ASAL: Pasir Puteh, Kelantan
SUAMI: Mohd Zulkarnain Che Seman
ANAK: Mohd Nabel Asyar, 18; Thifal Nuha, 8 tahun

dua kakaknya sebagai meneruskan tradisi keluarga.

"Saya bertuah kerana sebaik tamat Sekolah Menengah Agama Maahad Muhammadi (Perempuan) dan ke universiti dengan memilih pengajian (undang-undang), saya dapat menguasai dua bidang iaitu konvensional dan keagamaan. Yang menariknya, saya menguasai ilmu agama sebelum menguasai bidang konvensional," katanya.

Bergelar doktor falsafah yang diraih dari Institute of Law, Politics and Justice, University of Keele, United Kingdom, dia akui banyak kelebihan belajar mengikut hirarki ilmu (ilmu naqli dulu kemudian aqli) kerana mempunyai kelebihan tersendiri.

Katanya, dia dan adik-beradik bersyukur kerana dilahirkan daripada keluarga yang sangat mementingkan didikan agama sekali gus diguna pakai untuk mendidik generasi muda sebagai modal insan paling berharga.

Dia yang mengendalikan program keagamaan seperti Al-Kuliyah, Halaqah, Mencari Menantu, Al Hidayah, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Tanyalah Ustazah, 3 Ustazah dan lain-lain.

hendak ke sekolah atau ke mana saja.

Lebih menarik, amalan mencium ubun-ubun sebelum tidur dan diselimuti gebar selain setiap anak harus taat serta hormat kepada ahli keluarga lebih berusia dan mengasahi yang lebih muda.

Walaupun ketegasan ibu bapa dulunya dianggap satu kebencian tetapi apabila meningkat dewasa dan semuanya sudah memiliki keluarga sendiri membuatkan dia

purna dan mengikut syariat agama.

Kata Nik Salida, bapanya sudah 20 tahun meninggal dunia dan kehadiran ayah baru iaitu Wan Jaafar Wan Hussin meneruskan tradisi yang sama dalam keluarga membuatkan keluarga ini kekal bahagia kerana asasnya adalah 'agama' diletakkan dalam setiap perkara.

Sementara itu, adiknya, Dr Nik Salida Suhaila pula berkata, seseorang itu harus mendalami aspek keagamaan sebagai asas kehidupan